



SIARAN MEDIA

KEBANYAKAN ISU-ISU DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TELAH DISELESAIKAN

Kuala Lumpur, 16 Julai 2020: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) merujuk kepada laporan media mengenai Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri Ketiga yang menyentuh beberapa isu berkaitan dengan MRT Laluan Kajang (dahulunya dikenali sebagai MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang).

MRT Corp mengucapkan terima kasih kepada Ketua Audit Negara kerana telah menjalankan audit dan membuat kesimpulan bahawa MRT Corp telah berjaya mencapai objektif projek.

Setelah tamatnya audit, MRT Corp telah bertemu dengan Jabatan Audit Negara mengenai isu-isu yang diketengahkan di dalam laporan.

Kebanyakan isu-isu tersebut telah diselesaikan oleh MRT Corp. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa masalah yang belum selesai, yang kebanyakannya melibatkan tindakan seperti pengemaskinian perisian (software update). Perkara ini sedang ditangani oleh Kontraktor Pakej Kerja yang berkenaan.

MRT Corp akan memastikan bahawa isu-isu yang masih belum diselesaikan ini akan diselesaikan dalam tempoh masa yang terdekat.

-tamat/-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my